



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


24 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 436 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 365,551 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Keningau dan Kota Belud. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,248 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 343,913 orang. Manakala 465 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 393 orang di hospital, 71 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 43 orang merangkumi 37 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan berubah dari zon merah ke zon jingga.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Merah 22 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian di Sabah kembali meningkat hari ini dengan 436 kes jangkitan baharu, pertambahan 48 kes berbanding semalam.
- b. Kota Kinabalu kembali mencatatkan kes tiga (3) angka dengan 123 kes (+32). Daerah Tuaran juga mencatatkan peningkatan sebanyak 13 kes (41). Sebanyak 10 daerah mencatatkan kes dua (2) angka, antaranya Penampang 47 kes (-3), Papar 44 kes (+21), Sandakan 27 kes (+21) dan Putatan 23 kes (+10). Jumlah daerah yang mencatatkan kes satu (1) angka bertambah kepada 15 daerah hari ini, manakala Kalabakan menjadi daerah tunggal yang tidak merekodkan sebarang kes baharu.
- c. Satu peringatan bahawa risiko jangkitan kekal tinggi dan boleh merebak dengan cepat dan meluas pada bila-bila masa ialah peratusan jangkitan sporadik yang tinggi. Hari ini peratusan kes baharu yang berpunca daripada jangkitan sporadik ialah 66.06% daripada jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan.
- d. Sebanyak 427 atau 97.94% daripada 436 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, tiga (3) kes dalam Kategori 3, enam (6) kes dalam Kategori 4 dan tiada kes dilaporkan dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	85	19.50%
3	Bergejala	288	66.06%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	63	14.44%
JUMLAH		436	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (23 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 23/03/2022	Catatan Kes 24/03/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	91	123	+32
2	Papar	23	44	+21
3	Sandakan	6	27	+21
4	Tuaran	28	41	+13
5	Putatan	13	23	+10
6	Tambunan	8	14	+6
7	Kota Belud	13	17	+4
8	Nabawan	2	4	+2
3	Tongod	1	2	+1
10	Tawau	13	14	+1
11	Semporna	0	1	+1
12	Kota Marudu	13	14	+1
13	Kuala Penyu	7	8	+1
14	Telupid	2	2	Mendatar
15	Kunak	1	1	Mendatar
16	Keningau	26	9	-17
17	Ranau	19	4	-15
18	Pitas	11	4	-7
19	Tenom	8	2	-6
20	Sipitang	11	7	-4
21	Kudat	10	6	-4
22	Penampang	50	47	-3
23	Kinabatangan	5	2	-3
24	Lahad Datu	9	6	-3
25	Beluran	3	1	-2
26	Beaufort	14	13	-1
27	Kalabakan	1	0	-1
JUMLAH		388	436	+48

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	19	87	0	17	123	2,241
Penampang	0	8	32	0	7	47	840
Papar	0	9	31	0	4	44	731
Tuaran	0	14	18	0	9	41	697
Sandakan	0	4	23	0	0	27	307
Putatan	0	4	18	0	1	23	288
Kota Belud	0	3	12	0	2	17	234
Tawau	0	3	6	0	5	14	301
Kota Marudu	0	7	7	0	0	14	232
Tambunan	0	7	6	0	1	14	214
Beaufort	0	0	12	0	1	13	414
Keningau	0	0	5	0	4	9	301
Kuala Penyu	0	3	3	0	2	8	190
Sipitang	0	0	7	0	0	7	209
Lahad Datu	0	1	0	0	5	6	138
Kudat	0	0	4	0	2	6	132
Ranau	0	1	3	0	0	4	176
Pitas	0	0	4	0	0	4	106
Nabawan	0	2	2	0	0	4	40
Tenom	0	0	2	0	0	2	199
Telupid	0	0	0	0	2	2	67
Tongod	0	0	2	0	0	2	34
Kinabatangan	0	0	1	0	1	2	85
Beluran	0	0	1	0	0	1	90
Kunak	0	0	1	0	0	1	31
Semporna	0	0	1	0	0	1	8
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	37
JUMLAH	0	85	288	0	63	436	8,342

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,224 unit.

- Hospital 1,410 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,574 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 14.84%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 24 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	433
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	436

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)

Indonesia	1
Jumlah	1

Import B (Jangkitan Luar Sabah)

WP Kuala Lumpur	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	422
Bukan Malaysia	14
Jumlah	436

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	25
Belum Menerima Vaksin (5-11)	16
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	17
Menerima 1 Dos	18
Lengkap 2 Dos	158
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	202
Jumlah	436

iv.Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1-4	21
5 -11	32
12-17	15
18-29	100
30-39	122
40-49	63
50-59	42
60-69	19
70-79	12
80-89	6
>90	0
Jumlah	436

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 23 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 2,973 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,633 orang adalah penduduk dewasa, 43 orang adalah penduduk remaja dan 297 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 23 Mac 2022 adalah seramai 2,555,408 orang. Ini meliputi 2,131,913 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.48% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,406,054 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,089,572 orang atau 76.92% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,309 orang atau 77.97% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 316,482 atau 74.26% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 91,186 atau 22.16% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **684,682** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak dua (2) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Dua (2) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka

- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 219 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 59 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 937 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 180 premis perniagaan dan 245 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan 143 di Premis Perniagaan melibatkan 56 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 125 anggota.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 6 Sejumlah 73 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 156 hebahan di seluruh Sabah.

F

KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.8%
2	Beluran	98.8%
3	Kinabatangan	98.7%
4	Kudat	98.7%
5	Sipitang	98.7%
6	Tenom	98.6%
7	Keningau	98.6%
8	Lahad Datu	98.5%
9	Tuaran	98.5%
10	Semporna	98.5%
11	Sandakan	98.5%
12	Penampang	98.5%
13	Ranau	98.5%
14	Kota Marudu	98.5%
15	Beaufort	98.4%
16	Kota Belud	98.4%
17	Papar	98.4%
18	Kota Kinabalu	98.4%
19	Tawau	98.4%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II